

**Kementerian Mahu Manfaatkan Baki RM700 Juta Di Bawah Skim Teknologi Hijau
Sebelum Akhir Tahun
Bernama
24 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menjangka menggunakan baki dana bernilai RM700 juta di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau Malaysia menjelang akhir tahun ini.

Pemangku Ketua Eksekutif Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia, Ahmad Zairin Ismail berkata tujuannya ialah untuk mengagihkan dana ini memandangkan terdapat lebih 100 syarikat tempatan menunggu untuk dibiayai oleh skim berkenaan.

"Kami kini meninjau kemungkinan adanya dana tambahan dalam Belanjawan 2013, bergantung kepada keperluan industri dan syarikat tempatan," kata beliau selepas melancarkan Persidangan Teknologi Hijau Malaysia dan Anugerah GreenTech di sini.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dijangka merasmikan acara tiga hari yang akan bermula 10 Okt di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Chin berkata 500 delegasi dari seluruh dunia dijangka bertukar-tukar idea, pengalaman dan pengetahuan pada persidangan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682934>

